SMK SULTANAH HAJJAH KALSOM
BANDAR DAMANSARA KUANTAN,PAHANG

1223/1

PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN_____
TINGKATAN 5
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1

2 1/2 jam **Dua Jam Tiga Puluh Minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*

Disediakan oleh:

……..
(MOHD SHAMSURY BIN ABDUL RAHMAN)

Disemak oleh:

……
(NAIMAH BT SAAD)
KETUA BIDANG KEMANUSIAAN

Jawab **semua s**oalan.

1 (a) Firman Allah:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ وَجَٰهَدَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِي ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٩ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ٢٠

(Surah al-Taubah : 19-20)

Ayat di atas menerangkan berkaitan amalan-amalan yang dilakukan oleh orang Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud fiqh al-auwlawiyat? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** prinsip asas dalam fiqh al-auwlawiyat. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** kepentingan fiqh al-auwlawiyat terhadap individu. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ـ رضى الله عنه ـ عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ قَالَ " الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلاَّ بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلاَتِ


Hadis di atas menjelaskan larangan melakukan dosa-dosa besar.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan sihir? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** contoh sihir. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran yang dapat diambil daripada hadis. [4 *markah*]



(c) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris dalam ayat di atas.

[2 *markah*]

2 (a) Al-Jabbar merupakan satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT.

(i) Apakah maksud al-Jabbar? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti kefahaman anda mengenai al-Jabbar [4 *markah*]

Kejadian bulan, bintang serta alam cakerawala adalah merupakan tanda-tanda yang membuktikan Allah SWT Maha Pencipta.

(iii) Huraikan hujah anda bagi menyokong peryataan di atas. [4 *markah*]

(b) (i) Namakan **dua** aliran yang betentangan akidah Ahli Sunah Waljamaah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip utama salah satu daripada aliran yang bertentangan.[4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah. [4 *markah*]

3 (a) Pasangan suami dan isteri mempunyai tanggung jawab masing-masing yang telah diamanahkan oleh Allah SWT.

(i) Nyatakan **dua** tanggung jawab sebagai seorang suami. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** implikasi sekirannya pasangan suami isteri tidak menunaikan tanggung jawab masing-masing. [4 *markah*]

Maksud hadis: “Wanita dikahwini kerana empat hal;kerana hartanya,kerana keturunannya,kerana kecantikannya dan kerana agamanya.Maka hendaklah kamu pilih kerana agamanya,sebab kalua tidak demikian,nescaya kamu akan celaka” Hadis Riwayat Bukhari

(iii)

Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya saranan di dalam hadis di atas diabaikan? [4 *markah*]

(b) Islam telah menggariskan panduan berkaitan dengan pembubaran perkahwinan.

(i) Apakah maksud talak? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** jenis talak. [4 *markah*]

(c) Nyatakan hukum talak bagi situasi yang berikut:

(i) Berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah proses mahkamah.
(ii) Apabila isteri berakhlak buruk.
(iii) Suami menceraikan isteri tanpa sebab.
(iv) Suami menceraikan isteri dalam keadaan haid. [4 *markah*]

4 (a) Sultan Muhammad al-Fateh merupakan sultan yang terkenal pada zaman kerajaan Uthmaniyah.

(i) Nyatakan riwayat hidup beliau secara ringkas. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau. [4 *markah*]

(b) (i) Nyatakan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah. [2 *markah*]

"Berkenal-kenalanlah dengan setiap Muslim yang ditemui kerana asas gerakan dakwah ialah berkenal-kenalan dan berkasih sayang"

(Petikan wasiat Hassan al-Banna)

(ii) Sebagai seorang murid,bagaimanakah anda mengaplikasikan pernyataan di atas di dalam mencegah kemungkaran yang berlaku di sekolah? [4 *markah*]

(c) Hassan al-Banna merupakan tokoh Islam yang terkenal.

(i) Apakah jawatan yang dipegang oleh beliau? [1 *markah*]

(ii) Nyatakan **tiga** bukti ketinggian akhlak yang dimiliki. [3 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar yang dapat anda perolehi daripada keunggulan tokoh di atas. [4 *markah*]

5 (a) (i) Apakah maksud istiqamah? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara untuk memiliki sifat istiqamah. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** implikasi tidak mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan. [4 *markah*]

(b) (i) Nyatakan maksud alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** langkah yang boleh anda dilakukan untuk memastikan kawasan sekolah bebas daripada pencemaran. [4 *markah*]

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang dilakukan oleh tangan manusia…

(Surah ar-Rum ayat 41)

(iii) Berdasarkan maksud ayat di atas, mengapakah keadaan sedemikian berlaku?Huraikan. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT